

**MEMAHAMI KONSEP PERDAGANGAN SEMPADAN,
PERDAGANGAN TUKAR BARANG & PERDAGANGAN INFORMAL
RENTAS SEMPADAN: KAJIAN KES PULAU SEBATIK MALAYSIA –
INDONESIA**

*(Understanding the Concept of Border Trade, Barter Trade & Informal Cross Border Trade:
A Case Study at Pulau Sebatik Malaysia – Indonesia)*

Fauzie Sarjono, Kartini Aboo Talib @ Khalid & Rachel Chan Suet Kay

ABSTRAK

Perkembangan ekonomi dunia menciptakan nota kaki tersendiri hasil dari fenomena itu. 1/3 dari ruang ekonomi itu dimiliki oleh ekonomi informal juga disebut sebagai Ekonomi Lokal ataupun *System D*. Konotasi yang membayangkan satu fenomena pekerjaan yang sebenarnya bersifat universal tanpa adanya dasar perburuhan yang jelas. Fenomena yang semakin berkembang biak dan bersifat pandang dunia mengambil tempat ruang ekonomi yang ditinggalkan oleh ekonomi formal. Manipulasi terhadap sumber yang begitu luas, praktik yang dinamik yang berlangsung dalam dimensi *legal* mahupun *illegal*, memberikan jaminan pekerjaan yang dibayangi oleh kelangsungan (*survival*). Kertas kerja ini menelusuri fenomena yang berlaku di Pulau Sebatik milik Malaysia dan Indonesia. Metod kajian bersifat kualitatif berdasarkan temu bual informan utama. Hasil kajian membayangkan fenomena ini berlaku atas faktor kewujudan ruang dan peluang ekonomi yang boleh dieksploitasi demi kelangsungan dalam memenuhi tuntutan ekonomi, terutamanya kelompok marginal di sempadan.

Kata kunci: Perdagangan sempadan, Perdagangan tukar barang, Perdagangan informal rentas sempadan, pulau sebatik

ABSTRACT

The development of the world economy created its own footprint as a result of the phenomenon. 1/3 of that space is owned by the informal economy also referred to as the Local Economy or System D. The connotation is to imagine a work phenomenon that is truly universal without a clear basis for labor. This increasingly sophisticated and world-class phenomenon takes the place of economic space left by the formal economy. The manipulation of the vast resources, the dynamic practices that take place in the legal and illegal dimensions, provide a guarantee of employment shadowed by survival. This paper traces the phenomenon occurring on the Sebatik Islands of Malaysia and Indonesia. The study method was qualitative based on the interviews of key informants. The results suggest that this phenomenon occurs due to the fact that economic space and opportunities can be exploited for the sake of sustainability in meeting economic demands, especially marginalized groups at the border.

Keywords: Border trade, barter trade, informal cross border trade, sebatik island

PENDAHULUAN

Pulau Sebatik merupakan simbiosis asimetri ekonomi di sempadan yang berdaya saing dalam memacu kerencaman geo-politik, ekonomi dan kesejahteraan sosial masyarakat sempadan. Ketergantungan bersifat asimetri ini merujuk kepada Tawau sebagai tumpuan ekonomi utama untuk perdagangan. Di sisi Indonesia melihat Tawau sebagai fokus transaksi dan pasaran utama bagi keluaran sumber perdagangan yang bersifat pertanian, perikanan, agro-pertanian dan produk-produk lain Indonesia untuk didagangkan. Malah industri perikanan, industri kecil informal dan industri pertanian dalam kebanyakan situasi di biayai oleh pengusaha tempatan dari Tawau. Manakala di sisi Malaysia melihat Sebatik sebagai kebergantungan utama masyarakat sempadan Indonesia untuk memperolehi barang keperluan dan produk Malaysia. Kebergantungan Sebatik kepada Tawau menjadi begitu kuat kerana tidak ada pilihan berbanding mendapatkan barangan dan produk keperluan dari Nunukan dan Tarakan di Indonesia yang mahal dan faktor jarak yang jauh.

Peta 1: Pulau Sebatik



Sumber: *Remote Sensing & GIS Research Unit (CeRGIS)*

Sebatik juga dibayangkan sebagai simbol kepada simbiosis mutualism iaitu kelompok masyarakat yang dipisahkan pada dasarnya oleh sejarah kuasa kolonial dan akhirnya pembentukan negara bangsa moden Malaysia-Indonesia. Simbiosis mutualism yang dilihat menolak sentimen nasionalisme negara demi kelangsungan ekonomi. Kedua kelompok masyarakat ini bergantung, bertimbang balik, dan memperolehi keuntungan dari landasan ekonomi sempadan yang membayangkan ianya dinamik, strategik dan akhirnya terikat dengan sempadan etnik yang tebal. Kedudukan Sebatik yang strategik ditambah lagi dengan rumpun etnik yang serupa menjadi faktor utama ketiga-tiga konsep perdagangan ini berkembang. Fakta sempadan yang menarik dari segi etnik serumpun yang terdiri dari Bugis, Jawa, Tidung dan Flores mengikat jalinan keluarga, kekerabatan, suku dan budaya yang relatif bagi masyarakat sempadan. Interaksi masyarakat yang sudah lama terjalin dengan faktor geografi menjadi ikatan sebagai keutuhan modal sosial masyarakat sempadan bagi membangunkan modal ekonomi berasaskan kepada perdagangan di sempadan. Modal sosial dan modal ekonomi ini menjadi pencetus kepada pergantungan antara kedua negara dalam kelangsungan aktiviti perdagangan di sempadan.

Objektif penulisan ini adalah untuk memahami prospek terhadap konsep perdagangan rentas sempadan antara Malaysia dan Indonesia. Konsep-konsep perdagangan rentas sempadan yang wujud melalui beberapa siri perjanjian kerjasama kedua negara ini dilihat menciptakan jaringan ekonomi yang pelbagai.

SOROTAN LITERATUR

Perdagangan Sempadan

Perdagangan sempadan mula mendapat perhatian para penyelidik sekitar tahun 1990-an. Kajian-kajian berkaitan perdagangan rentas sempadan dalam pelbagai perspektif seperti globalisasi, rentas sempadan berkaitan migrasi, dan globalisasi modal mula mendapat perhatian dari segi implikasi kajian sempadan. Misalnya Basch et al (1994), Boon-Thong & Bahrin (1998), Smith & Guarnizo (1998), Newman & Passi (1998) dan Crush & McDonald (2000) sering membayangkan mengenai kesan dari perubahan dalam proses tersebut memberi impak mengenai sempadan sebuah negara yang semakin berkurangan.

Perdagangan informal rentas sempadan mengundang pelbagai debat dari sudut akademik dan politik (Koff 2016). Misalnya Lisa (2015) memberikan tafsiran mengenai perdagangan informal rentas sempadan sebagai barangan dan perkhidmatan yang dihasilkan secara sah, yang melarikan diri daripada rangka kerja kawal selia institusi pemerintah, mengelakkan bebanan cukai dan peraturan tertentu, samada sepenuhnya atau sebahagiannya. Tafsiran lainnya melihat perdagangan rentas sempadan ditakrifkan sebagai pertukaran barang dan perkhidmatan di seluruh sempadan darat antarabangsa dalam jangkauan sehingga 30 km (Kiminski & Mitra 2012). Walaupun perdagangan sempadan hanya menyumbang sebahagian kecil daripada jumlah perdagangan antarabangsa, ia mempunyai kesan penting ke atas pembangunan ekonomi wilayah sempadan dan memainkan peranan penting dalam integrasi serantau di kawasan pedalaman (Neuwirth, 2012).

Lombard, (2005); Reid (1999) dan Hefner (1999) dalam Lenggono (2012) telah melakukan kajian mengenai peranan ekonomi masyarakat nusantara dalam perdagangan di Asia Tenggara. Mereka menyatakan menjelang abad ke-15 jaringan perdagangan global di kawasan maritim nusantara yang merentas sempadan negara telah wujud. Kewujudan tersebut mencipta fenomena berkenaan kerjasama dalam bidang perdagangan dan peningkatan dalam teknologi kelautan yang akhirnya menciptakan fenomena perdagangan yang paling makmur di dunia ketika itu. Aktiviti perdagangan ini menghubungkan wilayah Sulawesi Selatan dalam jaringan sistem ekonomi monetari antarabangsa dengan menggunakan transaksi wang logam (perak dan emas), dengan *real* Portugis (Pelras, 2006).

Perdagangan Tukar Barang

Perdagangan tukar barang (*barter trade*) merupakan jenis perdagangan ekonomi tradisional yang wujud dahulu sebelum wujudnya sempadan antara negara. Perdagangan ini merupakan sistem yang telah digunakan berabad lama sebelum transaksi melibatkan wang tercipta. Misalnya di zaman Mesopotamia 6000 SM, perdagangan tukar barang merupakan kaedah pertukaran yang telah diterima oleh orang Phoenicia. Orang Phoenicia melakukan perdagangan tukar barang dengan masyarakat yang tinggal di beberapa penempatan lain di sepanjang lautan. Orang Babylon kemudiannya membangunkan sistem perdagangan tukar barang yang lebih baik. Mereka melakukan pertukaran dengan makanan, teh, senjata dan rempah. Alat pertukaran menggunakan tengkorak manusia dan garam. Garam merupakan komoditi utama dalam perdagangan tukar barang ketika itu. Misalnya, garam pernah menjadi komoditi yang digunakan untuk membayar gaji tentera Rom.

Selama berdekad perdagangan tukar barang mengalami pelbagai perubahan dan penambahbaikan. Misalnya kenyataan oleh Warren (1985) menyatakan fenomena

bermulanya hubungan perdagangan antara Mindanao, Sulawesi dan beberapa kawasan dinegeri Sabah seperti di Sandakan dan Lahad Datu sebelum dan semasa zaman kolonial di rantau ini. Hubungan perdagangan tradisional yang bersifat informal antara negara sekitarnya sama ada mempunyai motif penguasaan mahupun perolehan sumber tertentu menjadikan konsep perdagangan ini menjadi popular dalam dekad tersebut. Beberapa pengkaji lain juga mengakui kewujudan hubungan perdagangan awal dalam *Malay Archipelago* ini. Misalnya, Abu Bakar & Ongkili (1998) menyatakan bahawa Sabah yang mempunyai kedudukan dan posisi sempadan yang strategik di bawah pemerintahan Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu merupakan faktor utama mengangkat Sabah sebagai pusat dan perantara perdagangan tukar barangan yang utama di rantau ini pada zaman tersebut. Selain itu, perdagangan tukar barangan ini dimulakan oleh pedagang *British North Borneo Chartered Company* sekitar tahun 1870-an. Perdagangan seumpama ini telah menjadi tradisi bagi peniaga di Sabah berniaga dengan rakan mereka dari Indonesia dan Filipina. Perdagangan tukar barangan ini melibatkan hasil hutan seperti damar, kopra, rotan, rempah ratus dan sebagainya (Ramli & Mosfi, 2007).

Perdagangan Informal Rentas Sempadan

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*ILO*) mendefinisikan aktiviti ekonomi informal sebagai aktiviti ekonomi yang berlaku di luar dari pasaran buruh formal. Hujah Ackello-Ogutu (1996) memberikan tafsiran bahawa perdagangan komoditi yang merentasi sempadan negara melalui laluan tidak rasmi tanpa pemeriksaan pegawai petugas kastam merupakan salah satu bentuk perdagangan yang tidak direkodkan dan bersifat informal. Kenyataan Ackello-Ogutu ini juga disokong oleh tafsiran yang dinyatakan oleh *Food and Agriculture Organisation of United Nation* (FAOs) dalam Habtamu et.al., (2014) bahawa perdagangan ekonomi informal rentas sempadan itu sebagai "*Movement of goods in which or parts of the trading activity is unrecorded or unrecognized by the government and without adherence to procedural requirements of all formal institutions*". Kenyataan Ackello-Ogutu dan Habtamu ini selari dengan pendapat lain yang menyebut aktiviti ekonomi informal ini sebagai perdagangan informal rentas sempadan atau dikenali sebagai *Informal Cross Border Trade-ICBT* (Njoku Ola Ama et.al., 2013). Njoku mengatakan ICBT merupakan perdagangan yang melibatkan barangan dan perkhidmatan yang didagangkan, dikeluarkan dan diproduksikan secara sah namun di luar dari polisi dan peraturan negara dan pencukaian.

Praktik illegal boleh berlaku disebabkan nilai kuota yang diisytiharkan, pengklasifikasian kategori barangan, pertindanan polisi dan pemahaman peraturan perdagangan antara negara, tanpa deklarasi cukai mahupun barangan dari negara asal ke negara penerima, mahupun mengelak dari cukai dan caj-caj tertentu (Humphrey, 2018).

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bersifat pemerhatian lapangan dan temu bual informan utama sebagai sumber utama data primer penulisan ini. Sumber sekunder adalah berdasarkan sorotan dari laporan dan dokumen institusi formal terhadap perdagangan rentas sempadan. Pemerhatian dilakukan bermula tahun 2015 sehingga tahun 2018 terhadap enam (6) informan utama yang dikenal pasti melakukan aktiviti ekonomi rentas sempadan. Pemahaman mengenai konsep perdagangan rentas sempadan ini bermula dari meneliti rekod dan dokumen berkaitan kerjasama antara Malaysia dan Indonesia. Hal ini kerana, melalui rekod-rekod ini memaparkan mengenai ciri-ciri kerjasama ekonomi rentas sempadan, seperti *Border Trade*

Agreement 1970 dan *Border Crossing Agreement 1984* yang wujud dari tahun 1970 sehingga kini. Namun, tahun 2019 menunjukkan perubahan dari segi pemakaian *Standard Operating Prosedur* (SOP) mengenai aktiviti perdagangan tukar barang ataupun disebut sebagai Barter Trade di negeri Sabah khususnya.

HASIL KAJIAN

Kerjasama Perdagangan Rentas Sempadan Malaysia – Indonesia

Atas dasar serumpun dan toleransi kedua negara bagi menjamin kesejahteraan sosial, ekonomi dan politik, Malaysia dan Indonesia secara bilateral telah memeterai pelbagai perjanjian, dan bekerjasama dengan negara Asia Tenggara lainnya. Kesepakatan kedua negara ini dilihat di peringkat makro dengan wujudnya *Association of SouthEast Asia Nations* (ASEAN) 1967, *ASEAN Free Trade Area* (AFTA) 1992, *Common Effective Preferential Tariff* (CEPT) 1993, Singapura-Johor-Riau (SIJORI) 1989, *Indonesia-Malaysia-Singapore Golden Triangle* (IMS-GT)/*SIJORI Golden Triangle* 1994, Kerjasama Sosial Ekonomi Malaysia-Indonesia (SOSEK MALINDO) 1984, *Brunei-Indonesia-Malaysia-Philippines EAST ASEAN Growth Area* (BIMP-EAGA) 1994. Kerangka BIMP-EAGA antara lain, secara khususnya memeterai perjanjian berkaitan perdagangan tukar barang (*barter trade*) antara Malaysia dan Indonesia di daerah Tawau (Ramli & Mosfi, 2007).

Selain dari itu, beberapa pemeteraian perjanjian diwujudkan secara khusus antara Malaysia-Indonesia dalam isu berkaitan kerjasama ekonomi dan sosial di sempadan. Perjanjian Lintas Sempadan/Batas merangkumi *Basic Arrangement on Border Crossing & Basic Arrangements on Economic and Trade Relations* yang ditandatangani oleh kedua negara pada tahun 1967. Seiring dengan perkembangan geo-politik moden kedua negara, kedua negara sekali lagi pada tahun 1984 sepakat menandatangani *Agreement on Border Crossing between the Republic of Indonesia and Malaysia* atau juga dikenali sebagai *Border Crossing Agreement* (BCA) 1984. BCA 1984 merangkumi pelbagai aktiviti rentas sempadan yang dapat dilakukan oleh masyarakat sempadan Malaysia-Indonesia. Antaranya adalah kunjungan keluarga, kegiatan sosial/hiburan, keperluan keagamaan, perdagangan, tugas pemerintah dan keperluan lain yang dipersetujui oleh kedua negara (Sandy et. al., 2017). Selain BCA 1984, Malaysia-Indonesia juga sepakat memeterai *Agreement on Border Trade between the Government of the Republic of Indonesia and the Government of the Malaysia* pada 24 Ogos 1970 di Jakarta, Indonesia. Perjanjian ini juga biasa dirujuk sebagai *Border Trade Agreement* (BTA). BTA 1970 ini merujuk kembali BCA 1967 yang belum pernah dikaji semula sehingga kini (Sandy et. al., 2017).

Jadual 1: Kerjasama Ekonomi Rentas Sempadan Malaysia-Indonesia

Jenis Kerjasama	Sumber Dokumen	Wilayah Terlibat	Aktiviti	Pas Rentas Sempadan	Pos Rentas Sempadan	Nilai Kuota	Komoditi Barang
Rentas Sempadan Malaysia-Indonesia	BCA 1984	<p>Malaysia: Daerah dan Sub-Daerah di Sempadan Sabah, Sarawak, Melaka, Johor, Selangor & Negeri Sembilan</p> <p>Indonesia: Kabupaten Kubu, Bangko, Rupert, Bengkalis, Bukit Batu, Merbau, Pulau Rengsang, Kampar, Bahagian Wilayah Pentadbiran di Kepri, Pulau Tambelan & Nunukan</p>	Kunjungan keluarga, kegiatan sosial/hiburan, keperluan keagamaan, perdagangan, tugas pemerintah dan keperluan lain yang dipersetujui oleh kedua negara	<p>Tempoh masa Kunjungan: 14 Hari</p> <p>Tempoh Sah Laku: 2 Tahun</p>			
Perdagangan Rentas Sempadan Malaysia-Indonesia	BTA 1970	<p>Malaysia: Johor Baharu, Batu Pahat, Melaka, Pelabuhan Sweettenham, Penang, Sematan, Kuching, Lundu & Tawau</p> <p>Indonesia: Kabupaten Kubu, Bangko, Rupert, Bengkalis, Bukit Batu, Merbau, Pulau Rengsang, Kampar, Bahagian Wilayah Pentadbiran di Kepri, Pulau Tambelan & Nunukan</p>	Perdagangan Rentas Sempadan		46 Crossing Point: Termasuk Nunukan & Sungai Pancang	<p>Melalui Laut: RM600/ Perahu/ Perjalanan</p> <p>Melalui Darat: RM600/ Orang/ Bulan</p>	<p>Malaysia: Barang-barang Pengguna/Keperluan Harian- Termasuk Barangan & Peralatan Isi Rumah & Perkakasan yang diperlukan oleh Industri</p> <p>Indonesia: Produk Pertanian & Produk Lain-Kecuali <i>Mineral Oil & Ores</i></p>
Greater Sulu, Sulawesi Corridor (GSSC)	Sidang Kemuncak Pemimpin	Laut Sulu-Sulawesi: Malaysia: Sabah Indonesia: Sulawesi Utara	Perdagangan Tukar barang	Malaysia/ Sabah:	Malaysia/	Cukai Pelabuhan/ Cukai Dermaga/Caj	Malaysia: Eksport

	BIMP-EAGA ke4, Singapura November 2007	Filipina: Mindanao & Palawan		Permohonan Lesen Melalui Majlis Perbandaran Tawau/PDRM/KDRM*	Jeti CIQs Sabah: Kudat, Sandakan, Tawau*	Pengendalian /Caj Pendaratan/ Had Muatan/Feri/ Penumpang (Barangan yang Diimport & Eksport perlu diisytiharkan) Tertakluk di bawah Akta Kastam 1967 & 1998/Akta Imigresen 1959*	Minyak Masak, Minuman Ringan, Gula, Biskut, Makanan Ringan & Alatan (<i>Hardware</i>)* Indonesia: Import Produk Kayu, Ikan Basah, Koko Kering, Sabun dan Makanan* Filipina: Import Rumpai Laut & Kayu Balak*
--	----------------------------------------	------------------------------	--	--------------------------------------------------------------	-------------------------------------------------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Sumber: Sandy et. al., (2017), BIMP-EAGA (2007) & Laporan Ketua Audit Negara (2005)

Perdagangan Sempadan Malaysia - Indonesia

Perdagangan rentas sempadan (*border trade*) moden di antara Malaysia-Indonesia bermula 48 tahun dahulu. Kesepakatan kedua negara yang bertitik tolak dari semangat kepulauan Nusantara dan negara serumpun membawa kepada kesepakatan ekonomi di sempadan. Misalnya *Border Trade Agreement* (BTA) 1970 yang disepakati Malaysia-Indonesia dimeterai pada 24 Ogos 1970. Perjanjian ini secara umumnya merangkumi aktiviti perdagangan rentas sempadan antara Malaysia dan Indonesia. Perjanjian ini membawa kepada persekitaran baru ekonomi di sempadan kedua negara. BTA 1970 ini sebenarnya merujuk kepada *Arrangement on Border Crossing* dan *Basic Arrangements on Trade and Economic Relations* yang ditandatangani oleh kedua negara pada tahun 1967 ataupun BCA 1967. BCA 1967 merupakan perjanjian melibatkan pergerakan manusia rentas sempadan dan perdagangan rentas sempadan. BCA 1967 belum pernah disemak semula hingga ke hari ini. BCA 1967 disepakati semula pada tahun 1984 dan hanya menyentuh perkara berkaitan aktiviti kunjungan keluarga, kegiatan sosial/hiburan, keperluan keagamaan, perdagangan, tugas pemerintah dan keperluan lain yang dipersetujui oleh kedua negara. Malah BCA 1984 menggariskan Pas rentas sempadan yang menghadkan tempoh kunjungan (14 hari) dan tempoh sah laku pas (2 tahun). BCA 1984 ini tidak mengkhususkan secara terperinci mengenai perdagangan rentas sempadan, seperti mana yang berlaku dalam BTA 1970. BTA yang disepakati pada tahun 1970 merupakan landasan perundangan bagi Malaysia-Indonesia untuk mengatur aktiviti perdagangan rentas sempadan kedua negara, termasuk di Sebatik dan Tawau. BTA 1970 ini menggariskan beberapa *Standard Operation Procedure* (SOP) yang perlu dipatuhi oleh pedagang rentas sempadan. Antara objektif utama perjanjian ini adalah bagi memakmurkan kesejahteraan sosial masyarakat sempadan, membanteras aktiviti penyeludupan, menghubungkan wilayah perbatasan sempadan yang terpinggir dan meningkatkan kemampuan ekonomi (Sandy et.al., 2017). Demi melestari wilayah sempadan yang sering dianggap unik, dinamik dan strategik, kedua negara sepakat untuk mewujudkan satu jambatan ekonomi (*economic bridge*) yang menghubungkan kedua negara dalam satu praktik yang legal.

Praktik legal dalam BTA 1970 ini merangkumi pelbagai perkara. Misalnya, *Standard Operating Procedure* (SOP BTA 1970) menyebut tentang wilayah perdagangan, aktiviti perdagangan, Pas dan Pos rentas sempadan, nilai kuota dan jenis komoditi dagangan. Wilayah perdagangan BTA 1970 dalam konteks Pulau Sebatik dinyatakan jelas mengenai Tawau-Nunukan. Ini bermakna, Tawau-Nunukan menjadi simbol kebergantungan perdagangan rentas sempadan dalam menjamin modal sosial dan ekonomi yang utuh kedua negara. Dalam mengawal praktik illegal yang mempunyai kemungkinan tinggi berlaku di sempadan, BTA 1970 mewujudkan 46 *Crossing Point* termasuk di Sungai Panchang dan Nunukan. Tujuannya adalah bagi semakan cukai, nilai kuota dan barang komoditi yang didagangkan. Namun, sepanjang tempoh ini, tidak ada semakan semula berkaitan perkara mahupun aktiviti yang terkandung di dalam perjanjian ini. Walaupun dilihat tempoh masa 48 tahun ini ianya tidak relevan dan harus diteliti semula, kemungkinan aktiviti perdagangan sempadan ini terus berlaku adalah tinggi. Nilai RM600.00 melalui laluan laut dan darat yang merentasi kedua negara ini sedikit pun tidak mencetuskan konflik negara bersifat ketenteraan. Mungkin atas dasar toleransi serumpun yang bersifat penyelesaian secara informal, kelangsungan konsep perdagangan sempadan ini berterusan ke hari ini.

Jadual 2: Trend Perdagangan Lintas Sempadan Nunukan ke/dari Tawau (Rp)

Tahun	Import	Eksport
2004	97,074,328	2,926,706,000
2005	86,363,525	21,929,537,140
2006	581,368,829,390	1,056,284,769,500
2007	1,138,589,151,910	196,179,426,200
2008	1,550,075,793	1,358,309,280
2009	781,129,015,410	360,496,547,260
2010	4,241,813,341	1,196,168,120
2011	3,205,417,878	47,846,708

Sumber: Abdul Rahim (2015)

Namun, kerencaman dan kedinamikan sempadan memberikan ruang dan peluang untuk di manipulasi oleh aktor-aktor tertentu. Konsep perdagangan sempadan yang disepakati oleh kedua negara memberikan ruang dan peluang bagi pelaku ekonomi sempadan. Ruang dan peluang untuk memperolehi sumber dan pendapatan bagi kesejahteraan sosial dan ekonomi masyarakat. Ruang dan peluang perdagangan sempadan juga menjadi faktor kepada berlaku ruang illegal yang dimanipulasikan. Misalnya Jawhar dan Saribujaya (2016) menyatakan mengenai kaitan perdagangan tukar barang dan kumpulan jenayah terancang seperti penculikan dan penyeludupan. Aktor bukan negara mahupun pelaku ekonomi menggunakan laluan perdagangan rentas sempadan ataupun laluan yang tidak diwartakan untuk dieksploitasi demi kepentingan tertentu. Isu ancaman aktor bukan negara merupakan isu nasional yang praktiknya adalah berlaku di peringkat lokal, terutamanya sempadan. Hakikatnya, BTA tahun 1970 ini seharusnya memerlukan semakan semula bagi menangani ancaman berupa penyeludupan barangan yang dicukai. Penyeludupan pada keperluan dan kehendak barangan yang diwartakan di dalam BTA ini seringkali mendapat perhatian media. Misalnya, penyeludupan Tong Gas Malaysia ke Indonesia dalam kuantiti yang banyak melebihi kuota yang diwartakan merupakan ruang dan peluang yang di manipulasi oleh pelaku ekonomi (Sinar Harian, 20 Julai 2017). Penggunaan laluan yang tidak diwartakan juga merupakan salah satu kebebasan yang dimiliki oleh pelaku ekonomi berpaksikan kepada perdagangan sempadan.

Isu berkaitan etnik dan identiti juga merupakan perkara utama yang membawa kepada semakan semula BTA 1970 antara kedua negara terhadap *Barter Trade Agreement* (BTA) 1970 melalui *Joint Trade and Investment Committee Meeting* yang dijangka berlangsung pada tahun 2017 (Rudiatin, 2018). Namun, semakan semula ini menghadapi beberapa siri penundaan sehinggalah ke hari ini.

Perdagangan Tukar Barang Malaysia - Indonesia

Demokrasi sempadan geo-politik moden secara langsung membawa perubahan dalam konsep perdagangan tukar barang hari ini. Walaupun konsep asal yang sama, namun operasi dan sistem perdagangan tukar barangan mengalami perubahan dari sudut perjanjian, wilayah terlibat, pelesenan, operasi pelabuhan, nilai barangan serta komoditi yang didagangkan. Misalnya dalam konteks Sabah, perdagangan tukar barang hari ini didefinisikan sebagai pengimportan dan pengeksportan barangan yang didagangkan menggunakan transaksi pertukaran mata wang asing di antara para pedagang tempatan dengan para pedagang negara jiran seperti Indonesia dan Filipina dan dilakukan antara peniaga dengan peniaga (Laporan Ketua Audit Negara, 2005). Selain perubahan dari segi definisi, operasi dan sistem perdagangan ini turut melalui perubahan. Berdasarkan Laporan Ketua Audit Dalam tahun 2005 berkenaan Pengurusan

Kemudahan terminal Feri dan Pusat Tukar Barang, Tawau Sabah menggariskan satu sistem Pusat Perdagangan Tukar Barangan yang bertempat di Kudat, Sandakan dan Tawau. Di Tawau, pusat ini terletak di kawasan Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga iaitu bersebelahan pasar ikan dan Lembaga Pelabuhan Sabah. Perdagangan tukar barang hari ini memerlukan pelaku ekonomi mendapatkan lesen dagangan. Pelaku ekonomi hendaklah memohon lesen daripada Majlis Perbandaran Tawau dan ditapis oleh agensi keselamatan seperti Jabatan Polis DiRaja Malaysia dan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia. Di samping lesen dagangan, permit dagangan untuk berniaga di pusat ini hendaklah diperolehi. Permit dagangan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Negeri Sabah dan berdaftar dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia. Jabatan Kastam akan bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Kastam 1967 dan juga Arahan (Larangan Mengimport Dan Mengeksport) Kastam 1998. Senario ini menggambarkan campur tangan institusi negara dalam mengurus dan mengawal atur ekonomi sempadan untuk pendapatan negara. Campur tangan pemerintah dalam ruang ekonomi ini mewujudkan praktik legal dalam perdagangan tukar barang yang melibatkan eksport dan import dari negara jiran.

Pengenalan secara sistematik mengenai konsep perdagangan tukar barang ini dinyatakan jelas dalam kerjasama *Greatest Sulawesi-Sulu Corridor* (GSSC, 2007). Kerjasama tersebut merangkumi wilayah Malaysia; Sabah, Indonesia; Sulawesi Utara dan Filipina; Mindanao & Palawan. Penentuan wilayah perdagangan tukar barang merupakan strategi bagi mengawal praktik illegal dalam perdagangan ini. Ini kerana, pertindanan antara Malaysia-Indonesia dari segi perjanjian awal mengenai perdagangan di sempadan iaitu BCA 1984 dan BTA 1970. Kedua-dua perjanjian awal ini menyatakan dengan jelas konsep perdagangan di sempadan berdasarkan kerjasama ekonomi dan sosial kedua negara. Namun, pengenalan GSSC (2007) ini merupakan kaedah perdagangan dalam konteks kerjasama baru yang melibatkan kedua negara ini. Perdagangan tukar barang di bawah BIMP EAGA dan GSSC yang bersandarkan perdagangan tukar barang mencakupi laluan darat dan laut dengan nilai yang hanya diwartakan melalui CIQs tertentu. Pos rentas sempadan yang terletak di Kudat, Sandakan dan Tawau menjadi pusat operasi utama bagi pelaku ekonomi menyatakan jenis komoditi dagangan dan nilai serta barangan yang termaktub di bawah Akta Kastam dan Akta Imigresen Malaysia. Pengenaan cukai dan caj perkhidmatan ke atas barang dagangan serta kapal dan perahu yang digunakan merupakan satu sistem operasi masa kini yang merubah konsep awal perdagangan tukar barang.

Selain mewujudkan pusat operasi CIQs, kaedah perdagangan tukar barang juga berlandaskan kepada proses tawar menawar antara pedagang (Ramli & Mosfi, 2007). Berdasarkan kajian lapangan pada Ogos 2018, pengkaji mendapati proses perdagangan tukar barang antara kedua negara ini berlandaskan kepada hukum ekonomi. Pertama; Proses yang melibatkan tawar menawar dari segi permintaan dan penawaran yang melibatkan tawaran harga dan kos operasi barangan. Misalnya, sebelum barang dagangan dieksport ataupun diimport, pedagang akan menjalankan kajian ke atas keperluan barangan, kualiti, kuantiti berserta dengan harga barangan tersebut. Seterusnya, pedagang akan menghubungi pemborong untuk mendapatkan maklumat mengenai sesuatu barangan yang diperlukan di antara kedua negara ini. Proses ini melibatkan proses tawar-menawar mengenai barangan yang diinginkan pada kadar yang paling rendah. Proses tawar menawar ini akan berterusan dan melibatkan semua jenis barangan. Kemuncak kepada proses tawar menawar permintaan dan penawaran barangan dicapai, pesanan dari sudut permintaan barangan dilakukan. Penawaran kepada pesanan yang di buat melibatkan bayaran jumlah tertentu kos operasi keseluruhan barangan sebelum proses penghantaran dilakukan ke pelabuhan-pelabuhan utama yang menjalankan operasi perdagangan tukar barang.

Jadual 3: Nilai Pertukaran Barangan Tawau-Indonesia (RM)

Tahun	Import	Eksport
1998	96,532,814	10,893,639
1999	54,009,087	18,651, 246
2000	85,767,302.01	22,747,293.40
2001	361,894,083.56	32,846,965.94
2002	77,632,531.87	59,726,935.44
2003	52,158,309.39	154,337,129.67
2004	57,133,753.76	89,699,335.63
2005	58,409,947.29	92,308,587.06
2011	26,021,593.07	190,813,934.81
2012	31,380,734.65	251,246,524.33
2013	23,071,601.12	103,149,309.27

Sumber: Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia (2001, 2005 & 2014) dan (Ramli & Ahmad 2007)

Menariknya, proses tawar menawar dan tempahan pesanan ini tidak akan dijual kepada orang lain. Hal ini kerana, modal sosial masyarakat berdasarkan kepercayaan antara pengguna dan pengedar menjadi modal utama kelangsungan perdagangan ini. Kedua; perdagangan tukar barang juga melibatkan kaedah *Transshipment*. *Transshipment* merujuk kepada kaedah penghantaran barangan yang bersifat transit antara negara sebelum dihantar ke negara penerima. Kaedah ini melibatkan transit yang dilakukan di Indonesia berikutan import ataupun eksport yang dilakukan antara Indonesia-Filipina. Malaysia dijadikan sebagai pusat pelabuhan transit perdagangan tukar barang dengan penyediaan pelabuhan tukar barang. Penentuan SOP terkini dalam perdagangan tukar barang yang berkuat kuasa tahun 2019 ini adalah berdasarkan kepada dua punca kuasa dalam mengawal selia perdagangan ini iaitu perjanjian-perjanjian seperti *Anti Smuggling Agreement* (1 Disember 1967) di antara Malaysia – Filipina. Kemudian, perjanjian kedua yang menjadi punca kuasa ini adalah *Border Crossing Agreement 1967* (11 Mei 1967) dan *Border Trade Agreement* (1970) di antara Malaysia dan Indonesia. Tujuan utama penentuan kaedah baru dalam SOP terkini mengenai perdagangan ini adalah bagi mengadakan hubungan perdagangan di antara masyarakat sempadan di negeri Sabah, Malaysia dengan Selatan Filipina seperti di Zamboanga, Kepulauan Bongao, Palawan, Tandubas, Sitangkai, Simunul, Jolo, Balabac dan Kagayan. Manakala di Indonesia pula merangkumi wilayah seperti Tarakan, Nunukan dan Pulau Sebatik.

Jadual 4: SOP Barter Trade Negeri Sabah 2019

Jenis Kerjasama	Sumber Dokumen	Wilayah Terlibat	Aktiviti	Pas Rentas Sempadan	Pos Rentas Sempadan	Nilai Kuota	Komoditi Barang
Barter Trade 2019	SOP Aktiviti Barter Trade Negeri Sabah 2019	Malaysia-Indonesia-Filipina	Aktiviti Barter Trade	Surat Kebenaran Menjalankan barter Trade (MOF-Sabah). *Surat Kelulusan Syarikat *Senarai Barang yang dibenarkan *Kemudahan/Fasiliti yang dikhususkan *Pengurusan Kapal	CIQS: Tawau, Sandakan, Kudat Lahad Datu: Dalam Perancangan	Kuota Surat Kebenaran: Tawau 35 Sandakan 35 Kudat 25 Transaksi RM 40,000	Tertakluk kepada KPDN HEP: Jadual 1 & 2

Sumber: Standard Operating Procedure (SOP) Aktiviti Barter Trade Negeri Sabah, KKKK (1/2018 – 10 Disember 2018)

Perubahan perdagangan tukar barang ini melalui beberapa dimensi kaedah dan komoditi dalam jenis ekonomi ini berlangsung. Kaedah barter trade dahulu yang melakukan aktiviti dalam bertukaran seperti keluaran pertanian/hasil laut seperti buah-buahan, kayu dan produk makanan ataupun produk hutan dari negara-negara jiran. Kesemua jenis hasil ini ditukar untuk mendapatkan barang keperluan di sabah, terutamanya kawasan pantai timur dari Kudat sehinggalah ke daerah Tawau. Kini, berdasarkan jadual 2 SOP ini jelas menunjukkan perdagangan barter trade berubah kepada perdagangan bersifat *import* dan *eksport* biasa atau juga dikenali sebagai aktiviti *Normal Trade* tetapi masih menggunakan *mode-mode* pengangkutan tradisi seperti tempel, kumpit, perahu, jongkong dan lain-lain. *Mode-mode* pengangkutan ini hendaklah dilengkapi dengan sekurang-kurangnya *Automatic Identification System (AIS) Type B* dan berfungsi. Kesemua *mode-mode* pengangkutan ini melalui tiga (3) laluan utama yang telah ditetapkan oleh Jabatan Laut Malaysia (*Designated Route*) dan ESSCOM: *Eastern Sabah Security Command (Sea Check Point)*. Perubahan-perubahan dalam penambahbaikan sistem ini juga merangkumi dari segi kuota surat kebenaran bagi syarikat yang menjalankan perdagangan ini. Jumlah transaksi RM 40,000 bagi sebuah pengangkutan yang diberikan kebenaran dan jenis barangan yang boleh diniagakan juga memberikan jaminan kepada pematuhan kepada SOP serta penguatkuasaan undang-undang tertentu bagi menjamin keselamatan dan ekonomi dalam pentas ekonomi sempadan.

Perdagangan Informal Rentas Sempadan Malaysia – Indonesia

Persempadanan antara Malaysia-Indonesia di Pulau Sebatik yang strategik, memudahkan perdagangan informal rentas sempadan ini terus berlangsung. Kelangsungan ICBT ini melangkaui perjanjian seperti BTA 1970, BCA 1984 dan GSSC di bawah BIMP-EAGA 2007 dan terkini adalah berlandaskan kepada SOP barter Trade 2019. Ketiga-tiga perjanjian tersebut dan SOP tahun 2019 ini mengkategorikan setiap aktiviti ekonomi disempadan berlandaskan peraturan dan kesepakatan tertentu antara negara. Kesepakatan yang mencakupi dari segi wilayah perdagangan yang terlibat, jenis aktiviti, pas sempadan, tempoh masa, pos rentas sempadan, nilai kuota yang diwartakan dan jenis komoditi yang didagangkan. Berbeza dengan konsep ICBT yang mana aktiviti ini berlangsung serentak, praktik legal dan illegal. Wilayah sempadan Pulau Sebatik Malaysia-Indonesia didominasi hampir keseluruhannya oleh perdagangan informal rentas sempadan dalam dua dominasi berbeza, legal dan illegal. Secara legal perdagangan ini mempunyai pendaftaran dan lesen yang sah samada ianya berdaftar atas nama perdagangan sempadan (*border trade*) ataupun perdagangan tukar barang (*barter trade*).

Praktik legal dari segi laluan perdagangan yang diwartakan, pencukaian serta memenuhi nilai kuota serta komoditi yang diwartakan atas dasar mematuhi perjanjian yang telah ditetapkan oleh kedua negara. Praktik illegal menyentuh mengenai perdagangan rentas sempadan yang tidak berdaftar dengan mana-mana perundangan sebuah negara, tidak direkodkan, sukar untuk dikenal pasti dan kadangkala tidak mematuhi mana-mana pewartaan oleh mana-mana institusi formal antara negara. Praktik illegal ini seringkali mengundang kepada perdagangan rentas sempadan yang bersifat penyeludupan, samada dilakukan secara sedar ataupun tidak. Aktiviti para pelaku ekonomi dalam aktor bukan negara yang rencam di wilayah sempadan menjadikannya begitu kompleks dengan pelbagai implikasi terhadap hubungan kedua negara (Poltak Partogi, 2018). Misalnya, dalam situasi tertentu, di bawah perjanjian BTA 1970, ketetapan nilai RM600 sudah agak tidak relevan untuk praktik masa kini. Kadangkala perdagangan rentas sempadan dengan nilai kuota yang dagangkan di bawah BTA 1970 melebihi nilai yang diwartakan. Ini mengundang kepada pertindanan pertembungan

kelebihan nilai kuota RM600 atas nama BTA 1970 di sisi Indonesia, sedangkan di sisi Malaysia di bawah SOP Barter Trade 2019 perdagangan tukar barang (*barter trade*), nilai kuota Tawau (35) dan komoditi (Jadual 1 & 2 KPDNHEP) telah ditentukan oleh Malaysia dari segi pelabuhan CIQs untuk eksport dan import dengan nilai transaksi tidak lebih dari RM 40,000.

Laporan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dalam Sinar Harian bertarikh 20 Julai 2017 menyatakan penglibatan warga tempatan yang memanipulasikan kedudukan Pulau Sebatik untuk melakukan aktiviti penyeludupan keluar barang kawalan termasuk tong gas memasak ke Indonesia. Kesukaran dalam menangani isu seperti ini bertambah rumit apabila barang dan komoditi yang merentasi pelabuhan Tawau ke Sebatik dikatakan telah melalui jeti CIQs di pelabuhan Log Pond, Tanjung Batu. Ini menggambarkan bahawa, pelaku ekonomi perdagangan ini menggunakan konsep perdagangan tukar barang (*barter trade*) dan perdagangan rentas sempadan (*border trade*) yang mana praktiknya adalah legal. Namun, ianya menjadi praktik illegal dalam perdagangan informal rentas sempadan apabila taktik yang digunakan oleh warga tempatan seperti konsep perdagangan yang formal, tetapi strategi membawa barangan kawalan dalam kuantiti sedikit dengan berulang kali menjadikan aktiviti perdagangan ini dikategorikan sebagai penyeludupan. Fenomena penyeludupan rentas sempadan yang bercirikan informal melalui praktik legal membayangkan fenomena ini telah berlangsung lebih awal sebelum wujudnya pemisahan batas wilayah negara. Pertembungan kuasa besar Inggeris-Belanda zaman kolonial menciptakan bentuk pembangunan integrasi ekonomi informal ke dalam ciri masyarakat. Misalnya Tagliacozzo (2007) menyatakan mengenai kedua-dua kuasa besar kolonial ini memulakan program pengembangan (*programs of expansion*) yang memberi impak kepada corak dan trend penyeludupan di sepanjang sempadan kolonial ketika itu. Ini membuktikan bahawa demakrasi sempadan geo-politik moden juga menciptakan ruang dan peluang yang boleh dieksploitasi dalam perdagangan rentas sempadan yang sifatnya lebih kepada informal. Informal yang dibayangkan menggambarkan sisi praktik legal dan illegal, malah kadangkala ianya berlaku serentak.

Kelangsungan perdagangan informal rentas sempadan ini menguntungkan kepada kedua negara. Misalnya kajian oleh Titeca (2009) menyatakan perdagangan informal rentas sempadan merupakan salah satu mekanisme ekonomi sempadan yang boleh dibangunkan bagi memakmurkan ekonomi setempat. Perdagangan ini menciptakan peluang perniagaan dan peniaga untuk mendapatkan pasaran baru, sumber bekalan, modal, buruh dan teknologi. Bentuk peluang ini seringkali dipengaruhi oleh tahap pembangunan ekonomi sempadan negara. saling bergantung kepada tingkat ekonomi sebuah negara di sempadan, membawa kepada kebergantungan yang tinggi terhadap segala sumber sebuah negara tersebut. Ruang ekonomi ini diambil peluang oleh pelaku ekonomi perdagangan informal rentas sempadan yang mempunyai capaian kepada kemudahan, pengangkutan, prasarana malah pasar yang diciptakan sendiri oleh masyarakat sempadan. Malah, perdagangan ini dilihat sebagai ruang bagi mencipta pelbagai jenis pekerjaan bagi menampung keperluan kepada perdagangan tersebut. Misalnya, kewujudan buruh bagasi dan buruh angkat barang merupakan suatu fenomena menarik di sepanjang pelabuhan Tawau-Tanjung Batu, Sebatik, Nunukan sehinggalah pola perdagangan rentas sempadan, perdagangan tukar barang dan perdagangan informal rentas sempadan menganjur ke Pare-Pare, Sulawesi Selatan, Indonesia (Kajian Lapangan, 2018). Buruh ini yang beroperasi hampir keseluruhan bersifat informal menggambarkan ruang pekerjaan yang dicipta sendiri oleh masyarakat yang bergantung kepada perdagangan ini. Kenyataan ini menyokong kajian yang dilakukan oleh Muzvidziwa (2001) yang menyatakan perdagangan informal rentas sempadan menjadi sumber utama

pendapatan keluarga atau pendapatan sokongan utama kepada suami dan mengeluarkan mereka dari belunggu kemiskinan.

Humprey (2018) menyatakan, perdagangan informal rentas sempadan melibatkan sejumlah besar pelaku ekonomi beroperasi pada skala yang kecil berbanding perdagangan formal. Beliau mengkategorikan perdagangan ini sebagai, pertama: perdagangan yang dilakukan oleh industri informal (tidak berdaftar, di luar perundangan buruh formal) dengan terasing dan terhindar dari perundangan buruh dan sistem ekonomi formal. Kedua; perdagangan yang dilakukan oleh industri formal (berdaftar dengan institusi negara, terikat dengan perundangan buruh dan sistem ekonomi formal) tetapi mengelak dari pencukuaian, peraturan dan perundangan yang berkaitan dengan perdagangan rentas sempadan. Ketiga, perdagangan yang dilakukan oleh industri formal tetapi mengelak dari segala peraturan dan perundangan yang berkait dengan perdagangan rentas sempadan. Ini melibatkan perkara praktik illegal seperti melaporkan barangan dagangan dalam jumlah, nilai kuota, jenis komoditi dagangan yang berlainan atau tidak melaporkan barang dagangan, untuk hanya membayar cukai mahupun caj yang lebih rendah. Demikian juga halnya dengan deklarasi barangan dagangan yang tidak konsisten dari negara asal ke negara pengguna dan tidak konsisten dalam mengisytihar kategori komoditi. Malah, kadar pemberian dan penerimaan rasuah dalam perdagangan ini juga membimbangkan. Rasuah dan integriti dalam perdagangan informal rentas sempadan menjadi satu cabaran bagi menangani di peringkat lokal.

Jadual 5: Barangan Yang Dirampas Tahun 2013

Jenis Barangan	Kuantiti
Gula	2460 Kg
Minyak Masak	1571 Kg
Benda Tajam (Parang & Pisau)	52 Bilah
Topi Keledar	20 Unit
Parabola (Satelit Digital)	15 Unit
Tepung Gandum	525 Kg
Renjatan Ikan	2 Unit
Kukubima (Sejenis Minuman Paket)	445 Pek
Tong Gas	17 Unit
Ubat-Ubatan	10 Kotak
Beras	50 Kg

Sumber: Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, Tawau 2013

Perdagangan informal rentas sempadan sudah menjadi aktiviti utama dan kebiasaan bagi masyarakat sempadan, khususnya di Pulau Sebatik. Kebergantungan perdagangan ini sehingga tidak dapat dipisahkan dari masyarakat, malahan tunjang etnik yang kuat menjadi pemangkin perdagangan ini terus berlangsung. Kebergantungan kedua negara yang mempunyai rumpun yang sama menjadi teras kepada pergantungan ini berkembang biak ke hari ini. Seheinggakan kedua negara sepakat untuk meletakkan toleransi dari pelbagai sudut geopolitik, ekonomi dan sosial dalam kerjasama tertentu. Kesepakatan ini menggambarkan keinginan kedua negara untuk memakmurkan ekonomi masyarakat sempadan. Faktor geografi di sisi Indonesia untuk mendapatkan keperluan barangan harian meletakkan kebergantungan yang tinggi kepada ruang ekonomi Malaysia, khususnya di Tawau (Chitra Indah, 2017). Di sisi Malaysia, melihat Sebatik sebagai sumber bekalan, pasar utama dan alternatif bagi produknya merentasi sempadan (Kearney, 2004). Kebergantungan ekonomi ini membawa kepada sumber kehidupan alternatif bagi pelaku ekonomi sempadan.


PERBINCANGAN

Perbincangan penulisan ini dilihat dari sudut pemahaman mengenai perdagangan sempadan. Pertindanan konsep perdagangan yang pelbagai, membawa kepada manipulasi konsep perdagangan sempadan, perdagangan tukar barang mahupun perdagangan informal rentas sempadan. Manipulasi yang dimaksudkan iaitu manipulasi terhadap laluan perdagangan yang tidak diwartakan, mengelak cukai dan membawa kerugian subsidi langsung kepada kerugian pendapatan negara, serta kemasukan aktiviti haram yang melibatkan barangan dan manusia. Manipulasi kelangsungan perdagangan sempadan ini menyumbang kepada pelbagai aktiviti yang mencetuskan jenayah penyeludupan. Hanizah dan Hanafi (2012) menyatakan penggunaan kapal-kapal atau *Vesel*, dalam aktiviti ekonomi maritim yang melibatkan *barter trade* yang sampai di pelabuhan Sabah kebanyakannya datang dari negara Indonesia dan Filipina. *Vesel* barter trade ini hanya akan membawa barang-barang tertentu sahaja antaranya pakaian, kasut, dan sebagainya namun ia diharamkan membawa keluar barangan terlarang antaranya barangan kawalan (tepung, gula, minyak dan beras), sarang burung kerana faktor kesihatan dan dadah. Namun, manipulasi terhadap konsep *barter trade* ini berlaku dengan pelaku ekonomi menggunakan laluan-laluan kampung yang tidak diwartakan. Tanpa disedari kapal-kapal ini juga sering disalahgunakan untuk tujuan yang salah. Antara tujuan yang salah tersebut adalah membawa keluar barangan kawalan (termasuk Tong Gas), membawa masuk PATI, barangan lain secara haram dan senjata api yang terlarang.

Laporan sinar harian bertarikh 20 Julai 2017, seperti yang dinyatakan sebelum ini menyatakan mengenai warga Pulau Sebatik yang memanipulasi perjanjian *barter trade* dengan menggunakan laluan yang tidak diwartakan atau jalan-jalan (darat, sungai dan laut) untuk menyeludup masuk barangan ke Indonesia. Manipulasi pembelian barangan secara berperingkat (dalam kuantiti yang sedikit) merupakan taktik utama penyeludupan ini berlaku. Selain itu, mengelak dari menggunakan jeti CIQs (*Custom, Immigration, Quarantine & Security*) juga merupakan faktor utama bagaimana penduduk pulau Sebatik Malaysia-Indonesia menggunakan konsep *barter trade* demi kelangsungan dan kebergantungan dalam ekonomi informal, yang mana akhirnya kelangsungan ini bersifat illegal. Rampasan Barangan berdasarkan maklumat yang dilaporkan oleh Kastam DiRaja Malaysia, cawangan Tawau pada Januari 2018, bernilai RM 271,091. Nilai rampasan barangan akibat penyeludupan aktiviti perdagangan di sempadan ini menunjukkan kerugian dari sudut cukai dan subsidi barangan Malaysia yang di seludup keluar ke Indonesia.

Selain itu, masalah dalam pertindihan sempadan juga merupakan punca utama penyeludupan berdasarkan konsep-konsep perdagangan ini berlangsung. Kawasan sempadan Malaysia-Indonesia, khususnya di pulau Sebatik yang begitu tebal menciptakan ruang dan peluang untuk aktiviti ekonomi informal ini terus berlangsung. Ini menjadi satu masalah kepada pemerintah khususnya Malaysia untuk mengenal pasti aktiviti yang bersifat illegal. Hal ini kerana, penglibatan warga tempatan juga merupakan pelaku ekonomi utama dalam manipulasi konsep perdagangan sempadan yang memberi keuntungan kepada kedua pihak, namun kerugian kepada pendapatan negara dari segi cukai dan subsidi barangan.

Peta 2: Laluan Perdagangan Informal Rentas Sempadan



Disebabkan pelbagai isu berkaitan dengan perdagangan sempadan, institusi kerajaan mengambil pelbagai langkah drastik bagi membendung dari berterusan. Misalnya, konsep perdagangan *barter trade* antara Malaysia-Indonesia-Filipina akhirnya digantung oleh kerajaan Malaysia, khususnya kerajaan negeri Sabah pada tahun 2016 berikutan kes penculikan yang berlaku di sempadan. Penggantungan aktiviti *barter trade* ini sekali gus menyebabkan kerugian sekitar RM 1 juta – RM 3 Juta setahun. Di sebalik kerugian ini, masalah lain yang berlangsung juga adalah kerancakan aktiviti *barter trade* yang berlangsung tanpa kawalan. Perkara ini dinyatakan dalam Laporan Utusan Borneo bertarikh 17 Jun 2018. Penutupan ataupun penggantungan aktiviti *barter trade* di sempadan mengundang pelbagai aktiviti penyeludupan keluar masuk barangan Malaysia-Indonesia melalui laluan yang tidak diwartakan, melalui Tawau-Nunukan. Berdasarkan pemerhatian penulis, kebergantungan kepada barangan Malaysia oleh masyarakat Indonesia disebabkan oleh faktor jarak antara kepulauan negara republik itu untuk mendapatkan sumber dalam kategori kehendak dan keperluan. Faktor jarak antara kepulauan wilayah Indonesia memberikan Tawau sebagai pilihan utama untuk melakukan aktiviti ekonomi tersebut. Selain itu, pengaruh etnik Bugis yang sama antara Malaysia dan Indonesia juga menjadi sentimen utama menolak sentimen nasional antara kedua negara bagi kelangsungan. Sehingga istilah, ‘Garuda didadaku, Harimau diperutku’ (Kajian Lapangan, 2018) menjadi ideologi pelaku ekonomi dalam melakukan aktiviti ekonomi rentas sempadan. Penyeludupan barangan Malaysia yang dibawa masuk melalui laluan illegal dari Tawau melalui pulau Sebatik dengan tiga laluan tidak diwartakan yang utama (dari Tawau ke Sungai Melayu-Sungai Nyamuk, dari Tawau ke Sungai Aji Kuning, dan dari Tawau ke Sungai Tongkang-Sungai Limau) kemudian melalui Nunukan sehingga ke wilayah Pare-pare Sulawesi Selatan, Indonesia (Kajian lapangan 2018).

Laluan-laluan utama penyeludupan yang mengelak cukai ini menjadi pola perdagangan utama dalam kelangsungan perdagangan rentas sempadan samada secara praktik formal ataupun informal, dan dalam praktik legal mahupun illegal di sempadan. Menariknya, perdagangan rentas sempadan yang bersifat formal ini tidak tertakluk kepada apa-apa peraturan

dan perundangan yang berkaitan dengan apa-apa akta mengenai kerja dan pekerjaan, khususnya Ordinan Buruh Sabah. Perkara ini membuka ruang seluasnya kepada pelaku ICBT untuk memanipulasi sumber dan kelompok suatu sistem formal demi kelangsungan ekonomi masyarakat sempadan. Ironinya, ketiadaan peraturan dan perundangan yang menyentuh mengenai buruh, ianya dilihat sebagai peluang utama dalam menggerakkan ekonomi ini dari terus di manipulasi dengan sistem sedia ada. Apa yang diperhatikan, ICBT selain menciptakan pasar dan ruang ekonominya sendiri, sistem pekerjaan dan kerja juga wujud namun tidak berpandukan kepada rekod ataupun sebarang dokumen. Ini diakui oleh informan dalam temu bual bagi menjelaskan sistem kerja yang bertunjangan kepada apa yang digelar oleh Robert Neuwirth sebagai *System D*. Penglibatan ahli keluarga serta jaringan etnik yang sama menjadi teras kepada kepercayaan dalam carta kerja sebuah sistem ekonomi. Mereka meletakkan kepercayaan dalam segala segi sama ada dari sudut waktu kerja, cuti, upah, rehat dan sebagainya yang dimiliki oleh sistem formal. Istilah *UUD* ataupun dibahasakan oleh masyarakat lokal sebagai “Ujung-ujung duit” (yang akhirnya adalah duit) dan *ADUL* “Asal Ada Uang, Lolos” (Asal mempunyai duit, semuanya boleh dilakukan) menjadi pertaruhan utama dalam kelangsungan ICBT sama ada dari segi ekonomi, pasar dan pekerjaan itu sendiri. Ini membuktikan modal sosial yang dijadikan sebagai taruhan kepada modal ekonomi dalam ICBT.

KESIMPULAN

Perdagangan rentas sempadan (*border trade*), Perdagangan tukar barang (*barter trade*) dan Perdagangan informal rentas sempadan (*informal cross border trade-ICBT*) merupakan tiga konsep perdagangan rentas sempadan yang wujud dalam konteks Pulau Sebatik. Ketiga-tiga konsep ini berlandaskan kepada kerjasama ekonomi dan sosial yang disepakati antara kedua negara. perjanjian seperti BCA 1967 & 1984, BTA 1970, GSSC BIMP EAGA 2007 dan terkini pada tahun 2019 perdagangan Barter Trade melalui SOP tahun 2019 menyimpulkan kepelbagaian dari segi aktiviti yang mempunyai konotasi berbeza. Disebalik memperkasa sistem ekonomi rentas sempadan yang bersifat formal dengan kawal atur dari institusi formal, ICBT mengambil tempat yang dinamik dalam praktik perdagangan rentas sempadan yang pelbagai. Praktik legal dan illegal menjadi penggerak utama kepada aktiviti ini terus mendapat perhatian.

Selama 48 tahun BTA 1970 yang disepakati tidak melalui siri semakan semula. Konsep yang mengangkat perdagangan rentas sempadan sebagai suatu siri integrasi ekonomi yang baik, namun beberapa perkara harus disesuaikan dengan situasi ekonomi semasa. Aplikasi berbeza antara perdagangan rentas sempadan dan perdagangan tukar barang membayangkan konotasi pelbagai dan berbeza dari segi aktiviti perdagangan yang berlangsung. BTA 1970 yang mewajibkan pewartaan barang dagangan di setiap pos rentas sempadan yang diwartakan berkemungkinan diambil peluang dan ruang untuk dieksploitasi dengan menggunakan konotasi *barter trade*. Hal ini seperti mana yang dinyatakan oleh APMM dalam laporan yang di sebut di atas. Manipulasi konsep perdagangan yang pelbagai wujud di sempadan menjadikan praktik legal dan illegal itu berlaku dengan serentak. Nilai kuota dan jenis barang dagangan untuk kesemua konsep perdagangan juga menjadi agen utama kepada perubahan dalam pewujudan ICBT. Komoditi untuk keperluan dan kehendak ekonomi yang sangat asimetri sifatnya membayangkan peningkatan dalam jenis dan nilai rampasan yang dilakukan terhadap kesalahan dalam aktiviti perdagangan rentas sempadan. Samada tangkapan dan nilai rampasan

ini merujuk kepada mana-mana konsep perdagangan, ataupun disebabkan praktik illegal yang dilakukan.

Kewujudan perjanjian ekonomi dan sosial di bawah BTA 1970, BCA 1984 dan BIMP EAGA, GSSC merubah pelbagai konsep perdagangan rentas sempadan, khususnya antara Malaysia-Indonesia. Kelebihan eksport dan import terhadap komoditi barangan yang diwartakan, memberi kelebihan di sisi Malaysia dalam konteks keuntungan. Pewujudan Pos rentas sempadan seperti pos CIQs di Tawau, Kudat dan Sandakan merupakan institusi penting dalam mengawal aktiviti ini dari dieksploitasi oleh aktor bukan negara yang bersifat Kumpulan Jenayah Rentas Sempadan. Pos yang berperanan dalam operasi eksport dan import serta aktiviti yang melibat mobiliti sosial manusia di sempadan memberikan jaminan dalam pentadbiran kawal atur sempadan negara. CIQs ini juga berperanan sebagai pelabuhan transit bagi *barter trade* yang memberi keuntungan dalam eksport import komoditi yang berlangsung terhadap ketiga-tiga negara. Di sisi Indonesia, perdagangan rentas sempadan dilihat perlunya semakan semula pada perjanjian ini. Semakan dalam pelbagai aspek dan polisi perlu dilakukan demi menjamin aktiviti dalam praktik legal yang lebih relevan dengan situasi semasa. Pos rentas sempadan yang bertempat di Nunukan dan Sungai Pancang harus disemak semula bagi mewujudkan kerelevanan dalam aktiviti perdagangan rentas sempadan, khususnya melibatkan perjanjian BTA 1970. Selain BTA, SOP Barter Trade 2019 yang dilihat menjadi penyelesaian kepada fenomena sempadan dari sisi keselamatan dan kesejahteraan masyarakat, ruang ekonomi juga dapat dipertingkatkan.

Namun, di sebalik pelbagai konotasi dan kronologi berkenaan konsep perdagangan di sempadan Malaysia-Indonesia, khususnya Pulau Sebatik, ICBT ataupun perdagangan informal rentas sempadan mengambil ruang dan peluang di sebalik fenomena ini. Perdagangan yang dilihat lebih mudah berlandaskan fenomena sempadan etnik, identiti dan budaya yang sama menjamin keutuhan modal sosial dan ekonomi terus berkembang. Malah, faktor unik yang mengikat fenomena ini terus berintegrasi dalam ruang dan peluang ekonomi sempadan. Kedudukan strategik, unik dan dinamik dengan faktor unik masyarakat sempadan dari segi etnik, identiti dan budaya, serta kepelbagaian konsep perdagangan rentas sempadan yang bersifat kerjasama antara pemerintah sehinggalah ke pasar sendiri yang dibangunkan oleh masyarakat lokal menjamin fenomena ini terus berkembang biak. Perlunya masyarakat sempadan memahami hasrat yang cuba dibayangkan oleh institusi kedua negara dalam menjamin kesejahteraan sosial masyarakat sempadan. Integrasi yang dibayangkan, dibangunkan dalam pelbagai sisi ekonomi yang memberi kelebihan antara kedua negara. Hakikatnya, kerencaman dari sudut sempadan, masyarakat dan negara itu mengundang pelbagai ruang, peluang dan ancaman demi kelangsungan masyarakat. Oleh itu, pendekatan terbaik harus dilakukan demi menjamin fenomena berlangsung dalam kawalan yang tidak mencetuskan konflik negara. Kawalan terhadap eksploitasi dari sudut praktik legal dan illegal harus dilihat demi menjamin hubungan antara negara yang harmoni.

RUJUKAN

- Abu Bakar H. & Ongkili M.J. (1988). Genesis of Barter Trade in the Borneo Region. Institute of Development Studies, Sabah: News.
- Abubakar M. (2006). Menata Pulau-Pulau Kecil Perbatasan: Belajar dari Kasus Sipadan, Ligitan dan Sebatik. PT. Kompas Media Nusantara, Jakarta.
- Abdul Rahim Anuar. 2015. Rubrik Pembangunan Pekan Sempadan Malaysia-Thailand. Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS), 1(1), 1–18.

- Ackello-Ogutu C. (1996). Methodologies for Estimating Informal Crossborder Trade in Eastern and Southern Africa: Kenya/Uganda Border, Tanzania and its Neighbours, Malawi and its Neighbours, Mozambique and its Neighbours. Technical Paper No. 29, Office of Sustainable Development, Washington DC.
- Basch L., Schiller N.G., & Blanc C.S. (1994). Nations Unbound: Transnational Projects, Post-Colonial Predicaments and Deterritorialized Nation States. Gordon and Breach Science Publishers, Basel.
- BIMP-EAGA. [https://www.mofat.gov.bn/...The... \(BIMP-EAGA\)/BEV2025%20\(Final\).pdf](https://www.mofat.gov.bn/...The... (BIMP-EAGA)/BEV2025%20(Final).pdf). Di capai pada 12 September 2018.
- Boon-Thong L. & Bahrin T.S. (1998). Vanishing Borders: The New International Order of the 21st Century. Aldershot. Brookfield USA, Ashgate: Singapore and Sydney.
- Chitra Indah Y. (2017). Kedaulatan Dari Aspek Ekonomi: Potret Dinamika Ketergantungan Dalam Pemenuhan Kebutuhan Hidup Di Perbatasan. Kedaulatan Indonesia Di Wilayah Perbatasan: Perspektif Multidimensi. Yayasan Pustaka Obor Indonesia, Jakarta.
- Crush J. & McDonald D. 2000. Transnationalism, African Immigration and New Migrant Spaces in South Africa: An Introduction. Canadian Journal of African Studies, 34(1), 1-20.
- Endang Rudiati S. 2018. Border Trade Agreement dan Integrasi Ekonomi di Perbatasan. 21 Ogos 2018. <https://reseachgate.net/Conference 60 Tahun Antropologi Indonesia, Universitas Indonesia. Di capai pada 13 September 2018>.
- Habtamu H., Jemal M., Ashenafi N. & Mulugeta G. 2014. *Research Report: Policy Research on Cross Border Trade: Challenge & Prospect in Ethiopia*. Mei 2016. <https://researchgate.net/Conference: Research for Enhancing Patoralists Livelihood Through Resilence and Market Expansion. Harayama University, Volume 1. Di capai pada 14 September 2018>.
- Hanizah Idris & Hanafi Hussin. (2012). Penglibatan dan Permasalahan Bot Haram Dalam Aktiviti Ekonomi Maritim Di Perairan Sabah. Borneo Research Journal. 6, 1-17
- Humphrey W. (2018). Kerjasama Indonesia-Malaysia Dalam Pengelolaan Perbatasan Di Kalimantan. Yayasan Pustaka Obor Indonesia, Jakarta.
- Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, Cawangan Tawau. 2001, 2005, 2014 dan Januari 2018.
- Jawhar, J. & Sariburaja, K. (2016). The Lahad Datu Incursion and its Impact on Malaysia's Security. The Southeast Asia Regional Center for Counterterrorism (SEARCCT). Ministry of Foreign Affairs, Kuala Lumpur.
- Kajian Lapangan, Tawau-Sulawesi Selatan. 29 Ogos – 14 September 2018.
- Kearney M. 2004. The Classifying and Value-Filtering Mission of Borders. Anthropological Theory. 4, 131-149.
- Kiminski B. & Mitra S. (2012). Borderless Bazaars and Regional Integration in Central Asia: Emerging Patterns of Trade and Cross-Border Cooperation. The World Bank, Washington D.C.
- Koff H. 2016. Informal Economies in European and American Cross-Border Region. Journal of Borderlands Studies. ISSN: 0886-5655. 21 April 2016. <http://www.tandfonline.com/loi/rjbs20>. Di capai pada 1 September 2018.
- Lenggono P.S. 2017. Jaringan Perdagangan Bugis dan pola Penguasaan Sumberdaya Agraria di Kawasan Perbatasan Nunukan-Tawau. 10 Ogos 2017.

- <https://reserchgate.net/Conference>: Pembaharuan Agraria Untuk Kesejahteraan Masyarakat Perbatasan, Nunukan, 1. Di capai pada 7 September 2018.
- Laporan Ketua Audit Negara: Aktiviti & Kajian Khas Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sabah Tahun 2005.
- Lisa E.T & Magai P.S. 2015. Involvement in Informal Cross Border Trade: A Case of Women Entrepreneurs in Tanzania. *Journal of Business & Economics*. ISSN 2155-7950, 6 (8), 1522-1532.
- Muzvidziwa V. 2001. Zimbabwe's Cross-Border Women Traders: Multiple Identities and Responses to New Challenges. *Journal of contemporary African Studies*. 15(1), 123–135.
- Newman D. & Passi A. 1998. Fences and Neighbours in the Postmodern World: Boundary Narratives in Political Geography. *Progress in Human Geography*. 22, 186-207.
- Neuwirth R. (2012). *Stealth of Nation: The Global Rise of the Informal Economy*. Random House Inc, USA.
- Njoku O. A., Kagiso T. M. & Helen A. A. 2014. Characterization of Informal Border Trade Across Selected Botswana Border. *International Journal of Management & Marketing Research*. 7, 85-102.
- Peberdy S.A. (2000). *Border Crossing: Small Entrepreneurs and Cross-Border Trade Between South Africa and Mozambique*. Jun 2000.
<https://www.sexrightsafrika.net/wp-content/uploads/.../Mozambique-Cross-Border.pdf>. Di capai pada 10 September 2018.
- Pelras C. (2006). *Manusia Bugis, Jakarta: Nalar bekerjasama dengan Forum Jakarta-Paris. EFOQ*.
- Poltak Partogi N. (2018). *Aktor Non-Negara: Kajian Implikasi Kejahatan Transnasional Di Asia Tenggara*. Yayasan Pustaka Obor Indonesia, Jakarta.
- Ramli Dollah & Ahmad Mosfi Mohamad. 2007. *Perdagangan Tukar Barang Malaysia-Indonesia: Potensi dan cabaran*. JATI, 12.
- Sandy Nur Ikfal R., Bayu S., Muhammad Fakhry G. & Esty E. 2017. *Policy Paper: Strategi Peningkatan Kerjasama Lintas Batas (Border Crossing Agreement) Indonesia-Malaysia: Upaya Mendukung Ketahanan Sosial Masyarakat PPKT*. Pusat Penelitian Politik & Pusat Penelitian Kependudukan, Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia. Jakarta. 11 Desember 2017. https://www.politik.lipi.go.id/.../Policy_Paper/Policy%20Paper%20LIPI%2... Di Capai pada 7 September 2018.
- Sinar Harian. 20 Julai 2017.
- Smith M. & Guarnizo L. (1998). *Transnationalism from Below. Comparative Urban Community Research*. Transaction Publishers, New Brunswick.
- Standard Operating Procedure Aktiviti Barter Trade di Negeri Sabah. KKKN (1/2018 10 Desember 2018) – Dokumen tidak diterbitkan.
- Tagliacozzo E. (2007). *Secret Trade, Porous Borders: Smuggling and State Along a Southeast Asian Frontier, 1865-1915*. NUS Press, National University of Singapore.
- Titeca K. (2009). *The Changing Cross-Border Trade Dynamics Between North-Western Uganda, North-Eastern Congo and Southern Sudan*. Institute of Development Policy and Management, University of Antwerp.
- Utusan Borneo. 17 Jun 2018.
- Warren J.F. (1985). *The Sulu Zone 1768-1898*. New Day Publisher, Philippines.

MAKLUMAT PENULIS

FAUZIE BIN SARJONO

Universiti Malaysia Sabah
fauzie@ums.edu.my

KARTINI ABOO TALIB @ KHALID

Universiti Kebangsaan Malaysia
k_khalid@ukm.edu.my

RACHEL CHAN SUET KAY

Universiti Kebangsaan Malaysia
rachelchansuetkay@ukm.edu.my